

## FASAL PERTAMA

### 1.1: KONTRAK DI DALAM PERUNDANGAN ISLAM.

Keperluan manusia untuk hidup secara bermasyarakat merupakan satu perkara yang tidak dapat dinafikan. Manusia secara tabi'inya tidak dapat menjalani kehidupannya secara bersendirian serta mengasingkan diri. Ini adalah kerana di dalam keadaan-keadaan tertentu dia amat memerlukan masyarakat untuk memenuhi tuntutan-tuntutan hidupnya yang berbagai-bagai yang tidak dapat dipenuhi secara bersendirian.

Bertolak daripada hakikat ini, maka Islam sebagai Din Allah yang lengkap dan sempurna sudah pastinya tidak akan membiarkan manusia hidup secara tidak berperaturan yang boleh mencetuskan berbagai-bagai masalah yang boleh membawa kemudarat kepada masyarakat.

Malah syariat Islam telah menentukan sistem mu'amalahnya yang unik dan lengkap agar manusia dapat menyelesaikan segala urusan-urusan hidup mereka secara adil dan saksama.

Sistem muamalah di dalam Islam adalah meliputi hukum hakam yang berkaitan dengan semua jenis-jenis kontrak dan tindak-tanduk manusia (الْمُعَاهَدَاتُ ) seperti kontrak jualbeli , sewa menyewa , gadaian dan

lain-lain yang bertujuan untuk mengatur perhubungan sesama manusia secara adil dan saksama.<sup>1</sup>

Seorang penulis Islam, Dr. Badran telah menjelaskan bahawa sistem muamalah di dalam Islam merupakan satu sistem yang bertujuan untuk mengatur perhubungan di antara seseorang individu dengan individu yang lain, mengatur perhubungan dengan masyarakatnya dan juga dengan umat-umat yang lain. Ini bermakna sistem muamalah di dalam Islam adalah meliputi segala jenis-jenis kontrak ( *العقود* ) dan tindak-tanduk manusia.<sup>2</sup>

Adalah jelas di sini bahawa sistem kontrak merupakan salah-satu daripada perkara-perkara yang dibincangkan oleh sistem muamalah Islam.

Sebenarnya di sana telah pun terdapat ayat-ayat al-Qoran yang menyentuh secara jelas mengenai persoalan kontrak. Malah tidak keterlaluan jika penulis menyatakan bahawa undang-undang kontrak sepihiknya yang difahami oleh undang-undang ciptaan hari ini telah pun diajarkan terlebih dahulu oleh Allah Taala melalui kitabNya yang mulia sejak di zaman permulaan Islam lagi.

Antara ayat-ayat yang menjadi asas undang-undang kontrak di dalam Islam ialah seperti firman Allah di dalam surah Al Ma'ida ayat satu :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ قُوَّلُوا بِالْعُقُودِ

maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman. Tunaikan dan sempurnakanlah segala perjanjian-perjanjian.

Ayat ini secara jelas menerangkan bahawa Allah Taala memerintahkan hamba-hambanya agar menunaikan segala perjanjian-perjanjian yang telah mereka persetujui di dalam sesuatu kontrak.

Menurut Muhammad Rashid Redha, asas undang-undang kontrak di dalam Islam telah sabit melalui ayat ini iaitu melalui ungkapan "Tunaikan dan sempurnakanlah segala perjanjian-perjanjian" yang membawa maksud bahawa adalah menjadi kewajipan ke atas setiap orang mukmin untuk menyempurnakan segala perjanjian yang telah disepakatinya.<sup>3</sup>

Sheikh Al Alusi di dalam kitab tafsirnya yang terkenal menjelaskan bahawa di dalam sistem perundangan Islam ungkapan al 'akad ataupun kontrak yang dinyatakan oleh Allah Taala ini boleh dilihat dalam tiga bentuk iaitu:

a) Perjanjian di antara seorang hamba dengan Tuhan-Nya.

Ini bermakna apabila seseorang itu telah mengakui bahawa Allah adalah Tuhan-Nya dan tiada Tuhan selain dari-Nya, erti dia telah mengikat janji bahawa dia akan tunduk kepada segala perintah2 Allah yang disampaikan oleh Rasul-Rasul-Nya.

b) Perjanjian diantara seorang individu dengan saudaranya.

Ini merupakan jenis perjanjian dan kontrak yang lazim dilakukan di dalam kehidupan sehari-hari. Ianya meliputi kontrak jualbeli, sewa-menyeja dan sebagainya;

c) Perjanjian seseorang individu terhadap dirinya sendiri.<sup>4</sup>

Perjanjian seseorang dengan dirinya sendiri bererti seseorang yang berakal akan sentiasa sedar mengenai harga dirinya lalu dia tunduk kepada ikatan dari akal budinya sehingga dia beransur2 menjadi manusia yang baik. Ini bermakna dia telah memeterikan suatu perjanjian dengan dirinya untuk berbuat baik dan menghentikan perbuatan mungkar.<sup>5</sup>

Walaubagaimana pun perlu dinyatakan di sini bahawa ungkapan al-ukud ataupun kontrak yang dinyatakan di dalam ayat tersebut adalah meliputi semua jenis kontrak-kontrak yang dibenarkan oleh syariat Islam.

Muhammad Ali As Sabuuni menjelaskan bahawa kalimah Al uqud di dalam ayat tersebut merupakan lafaz yang meliputi semua jenis kontrak dan perjanjian , samada perjanjian itu di antara seorang hamba dengan TuhanNya ataupun perjanjian diantara seorang individu dengan saudaranya.<sup>6</sup>

Prof. Dr. Hamka berkata:

" Ayat ini menunjukkan bahawa segala macam 'akad atau 'ukud, janji dan kontrak dan sebagainya diakui oleh Islam dan wajib diteguhi dan dipenuhi. Kalau janji tersebut dimungkiri maka orang tersebut telah melepaskan dirinya dari ciri-ciri orang yang beriman. Kecuali janji yang menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal..."<sup>7</sup>

Sesuatu perjanjian yang telah disepakati itu wajib dipenuhi sekalipun ianya merupakan satu perjanjian dengan orang-orang kafir. Inilah merupakan salah satu daripada ciri-ciri keadilan dan keunikan yang terserlah di dalam Syariat Islam.

Antara contoh yang boleh menjelaskan hakikat ini adalah dengan memperhatikan Sirah Rasullullah saw sendiri. Sebagai misalannya , ketika Nabi saw mulai berhijrah ke Madinah, baginda telah mengikat perjanjian dengan penduduk Yahudi yang tinggal di Madinah untuk hidup

bertetangga dan damai dan akan sama-sama mempertahankan kota Madinah dari serangan musuh. Nabi saw telah setia dengan janjinya tetapi orang Yahudi kemudiannya mencari jalan untuk memungkiri janji yang telah dibuat itu.<sup>8</sup>

Sebenarnya contoh daripada sirah Rasulullah saw ini menggambarkan betapa besarnya kehormatan sesuatu perjanjian yang diwujudkan antara dua pihak sekalipun pihak yang terlibat itu bukan seorang Islam. Walaupun kita tidak menafikan bahawa "perjanjian" yang dibuat oleh Rasulullah ini bukanlah merupakan satu kontrak seperti mana yang difahami oleh undang-undang moden. namun demikian kita tidak boleh menafikan mensenai kewajiban unsur "perjanjian" di dalam sesuatu kontrak.

Muhammad Rashid Redha di dalam kitabnya "Tafsir Al Manar" ketika mentafsirkan ayat yang dinyatakan tadi menjelaskan bahawa ayat tersebut secara zahirnya jelas merupakan satu perintah dari Allah agar kita menyempurnakan segala perjanjian-perjanjian dan kontrak-kontrak yang kita lakukan sesama kita.<sup>9</sup>

Berdasarkan ayat tersebut juga kita memahami bahawa melaksanakan sesuatu perjanjian yang telah dipersetujui itu merupakan satu kewajipan yang diwajibkan oleh syarak ke atas setiap orang muslim. Sheikh Muhammad Al Alusi menjelaskan bahawa ungkapan al Wafa' (الوفاء) di dalam

ayat tersebut adalah bermaksud

حُكْمَ مَا يَعْدُ وَالْقِيَامُ بِمَرْجِبَهُ

iaitu memelihara apa-apa yang dituntut oleh sesuatu kontrak dan menunaikan segala kehendak-kehendak kontrak tersebut.<sup>10</sup>

Antara ayat-ayat lain yang menyentuh persoalan kontrak dan perjanjian serta kewajiban menunaikan segala tuntutan-tuntutannya adalah seperti firman Tuhan di dalam surah al Isra' ayat 34 :

وَأَوْفُوا بِمَا عَاهَدْتُمْ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُلاً

maksudnya : Dan penuhilah perjanjian, sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabkan.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dinyatakan di sini bahawa Syariat Islam telah memberikan pertimbangan dan perhatian yang besar mengenai persoalan kontrak dan perjanjian memandangkan ianya merupakan suatu perkara yang tidak dapat dipisahkan dari kehidupan manusia sehari-hari.

## 2 : Pengenalan ringkas Undang-undang kontrak Malaysia.

Undang-undang kontrak yang dibincangkan dalam penulisan ini adalah undang-undang yang terkenal di dalam Akta Kontrak 1850 ( Diisemak 1874 ) kecuali kalau dinyatakan sebaliknya. Akta ini adalah enakmen semula Ordinan Kontrak ( Negeri-negeri Melayu ) 1950 yang pada masa dahulunya hanya terpakai di Negeri-Negeri Melayu.

Kemudian akta ini, selepas daripada semakannya, telah diperluaskan penggunaannya ke Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak. Sebelum daripada semakan ini dibuat, keempat-empat negeri yang dinyatakan itu telah menggunakan undang-undang kontrak Inggeris setakat mana prinsip-prisip undang-undang Inggeris tersebut sesuai dengan keadaan tempatan.

Perlu dinyatakan di sini bahawa undang-undang kontrak Malaysia dan Inggeris pada asalnya adalah bersamaan tetapi memandangkan Ordinan Kontrak 1950 yang asalnya itu adalah mencontohi Akta Kontrak India 1872, maka terdapat beberapa perbezaan.

Seperkara lagi yang perlu disebut di sini ialah menurut pendapat ramai, Akta kontrak Malaysia bukanlah merupakan satu "kanun".

Ini adalah kerana perkara-perkara yang diperkatakan oleh akta kontrak Malaysia adalah tidak meneluruh, malah di dalam keadaan-keadaan tertentu rujuhan harus dibuat kepada "common law Inggeris dan ekuiti Inggeris seperti yang diperuntukkan dalam seksyen (3) dan seksyen

(5) Akta Undang-undang Sivil 1956."<sup>11</sup>

### 1.3 , DEFINISI KONTRAK DAN ASAS-ASAS PEMBERENTIKANNYA.

Perkataan "kontrak" ataupun apa yang disebut sebagai 'akad di dalam bahasa arab . dari segi bahasanya adalah bermaksud mengikat dan menyimpulkan<sup>12</sup>

Sekiranya seseorang itu berkata

*كُلَّمَا جَعَلْتُ لِنَفْسِي*

saya telah mengikatkan tali itu dengan benda tersebut

Ini membawa erti dia telah mengikat dan menyimpulkan tali tersebut kepada benda itu

Bolehlah dikatakan bahawa perkataan 'akad' . dari segi bahasanya . tidak terkeluar dari makna mengikat dan menyimpulkan di antara dua benda ataupun lebih.<sup>13</sup>

Manakala dari segi istilah pula . ahli-ahli perundangan Islam mendefinisikan kontrak sebagai "suatu ikatan dan perhubungan yang wujud secara syarak di antara penawaran dan penerimaan yang dibuat oleh pihak-pihak yang berkontrak . di mana ikatan tersebut menimbulkan kesan di sisi undang2 terhadap benda atau perkara yang dikontrakkan"<sup>14</sup>

Berdasarkan takrif yang dikemukakan adalah jelas bahawa bagi membentuk sesuatu kontrak perlulah wujud sekurang-kurangnya dua pihak yang terlibat iaitu pihak penawar

dan pihak penerima. Kedua-dua pihak tersebut akan menyatakan kehendak mereka untuk mewujudkan ikatan kontrak yang mempunyai kesan di sisi undang-undang.

Berdasarkan definisi tersebut juga, sekiranya sesuatu ikatan terbentuk melalui kehendak dari sebelah pihak sahaja (فرد اراده), maka ianya tidaklah dinamakan kontrak. Contohnya adalah seperti wakaf, nazar, sumpah dan yang serupa dengannya yang terbentuk melalui kehendak dari sebelah pihak sahaja.<sup>15</sup>

Namun demikian terdapat juga fikih-fikih Islam yang berpendirian bahawa setiap sesuatu yang diniatkan oleh seseorang untuk melakukannya dan mengikatkan dirinya untuk melakukannya adalah dikira kontrak.

Ini bermakna sesuatu kontrak boleh juga terbentuk melalui kehendak dari sebelah pihak sahaja seperti kontrak nazar, wakaf, hibah dan lain-lain.<sup>16</sup>

Manakala di bawah akta kontrak Malaysia pula, ungkapan "kontrak" ditakrifkan di bawah seksyen 2 (h) iaitu:

"sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah satu kontrak"

Yang dimaksudkan dengan ungkapan "perjanjian" di sini ialah ikatan kehendak yang wujud di antara pihak penawar dan pihak penerima. Ini bermakna untuk mewujudkan kontrak mestilah wujudnya perjanjian yang dibuat oleh pihak penawar dan pihak penerima dan pada masa yang sama perjanjian tersebut boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang.

Persoalan yang timbul sekarang ialah apakah sifat-sifat sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang ataupun dengan kata-kata lain apakah keperluan-keperluan asas bagi membentuk suatu kontrak yang sah dan effektif.

Di bawah perundangan Islam, berdasarkan takrif yang dikemukakan, adalah jelas bahawa sesuatu kontrak itu terbentuk melalui tiga unsur yang menjadi asas iaitu:

- a) Wujudnya sighah kontrak;
- b) Wujudnya benda atau perkara yang dikontrakkan;
- c) Wujudnya pihak2 yang berkontrak.

#### a) Wujudnya sighah kontrak.

Untuk membentuk sesuatu kontrak perlulah adanya penyataan penawaran dan penerimaan dari pihak2 yang berkontrak.

Melalui penyataan penawaran dan penerimaan inilah ataupun apa yang disebut sebagai sighth kontrak dapat diketahui mengenai kehendak dan kerelaan seseorang itu untuk berkontrak. Sebagaimana yang diketahui unsur kerelaan dan redha-meredha merupakan unsur yang asas di dalam pembentukan kontrak menurut undang-undang Islam.<sup>17</sup>

Hakikat ini amat jelas dengan memerhatikan firman Allah di dalam surah An Nisa' ayat 29 yang bermaksud:

"Hai orang2 yang beriman. janganlah kamu memakan harta orang lain dengan jalan yang batil kecuali melalui perniagaan yang berdasarkan rela-merelai diantara kamu."

Dan sabda Nabi saw :

"اَنْهَا مَالُ اُخْرَىٰ، فَلَا هُوَ حَلَالٌ"

maksudnya: Tidaklah halal bagi seorang Islam untuk memakan harta saudaranya melainkan secara yang baik darinya (secara yang dibenarkan syara').<sup>18</sup>

Di sebabkan unsur kerelaan merupakan suatu perkara yang tersembunyi di dalam jiwa dan tidak dapat dilihat. maka kerana itulah Islam telah menetapkan keperluan "sighth kontrak" sebagai karinah dan alamat untuk menunjukkan kewujudan kerelaan tersebut.<sup>19</sup>

Dengan wujudnya sifat-sifat kontrak dari pihak-pihak yang terlibat maka dapatlah dipastikan bahawa mereka telah melakukan kontrak secara bebas dan saling rela-merelai.

b) Benda atau perkara yang dikontrakkan

Benda ataupun perkara yang dikontrakkan merupakan unsur kedua yang padanya kesan sesuatu kontrak dan segala hukum-hakam yang terbit dari sesuatu kontrak akan dikembalikan.<sup>20</sup>

Ianya mungkin merupakan sesuatu benda yang mempunyai nilai dan harga . seperti yang berlaku di dalam kontrak jualbeli . dan mungkin juga berupa manfaat ( اطنافع ) seperti yang berlaku dalam kontrak sew-menyeja . dan mungkin juga ianya bersifat sesuatu amalan yang mestilah dikerjakan seperti yang berlaku di dalam kontrak perwakilan ( Al Wakaalah ).<sup>21</sup> Keadaan benda yang dikontrakkan adalah berbagai-bagai bergantung kepada kehendak dan persetujuan pihak-pihak yang berkontrak. Tetapi perlu diingatkan bahawa ianya mestilah merupakan sesuatu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Para-para fukahak telah sepakat menyatakan bahawa sekiranya benda yang dikontrakkan merupakan sesuatu yang menyalahi kehendak syarak , seperti perniagaan arak dan pelacuran , maka kontrak tersebut menjadi batal dengan sendirinya sekalipun telah mencapai persetujuan pihak-pihak

### c) WUJUDNYA PIHAK-PIHAK YANG LAYAK BERKONTRAK

Pihak-pihak yang berkontrak merupakan pihak-pihak yang membuat tawaran dan penerimaan. Menurut perundangan Islam, untuk mewujudkan kontrak yang sah penawaran dan penerimaan mestilah dibuat oleh mereka-mereka yang memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berkontrak. Ianya meliputi sifat-sifat yang menjadi asas keahlian seseorang seperti berakal, baligh, tidak berpenyakit gila dan sebagainya.<sup>23</sup>

Sesuatu kontrak yang dikendalikan oleh mereka-mereka yang tidak layak berkontrak menurut syarak akan menyebabkan kontrak tersebut menjadi batal. Apa yang nyatanya ialah kelayakan berkontrak merupakan unsur yang asas dan perlu di dalam kontrak Islam.

Ahli-ahli perundangan Islam telah mengkategorikan ketiga-tiga unsur yang dinyatakan sebagai rukun-rukun kontrak.<sup>24</sup>

Nampaknya akta kontrak Malaysia juga tidak terkecuali dari menjelaskan perkara-perkara yang menjadi asas dan keperluan di dalam pembentukan kontrak.

Di dalam seksen 2 (h) ada menyatakan bahawa "sesuatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah kontrak".

Adalah jelas bahawa semua kontrak mestilah berdasarkan kepada suatu perjanjian, tetapi bukanlah semua perjanjian secara automatik menjadi kontrak.

Untuk mewujudkan sesuatu perjanjian antara dua pihak ataupun lebih, perlulah adanya ikatan diantara tawaran dan penerimaan sepetimana halnya di bawah perundangan Islam. Selain daripada unsur tawaran dan penerimaan, unsur-unsur yang menjadi asas dan keperluan di dalam sesuatu kontrak dIELASKAN di dalam seksen 10 (1) akta kontrak Malaysia iaitu:

" Semua perjanjian adalah kontrak jika dibuat atas kerelaan bebas pihak-pihak yang layak membuat kontrak, untuk sesuatu balasan yang sah, dan dengan sesuatu tujuan yang sah, dan tidak ditetapkan dengan nyata di bawah peruntukan ordinan ini bahawa ianya batal "

Berdasarkan seksen ini sesuatu perjanjian yang dibuat, selain daripada unsur penawaran dan penerimaan, mestilah memenuhi beberapa perkara bagi menjadikan ianya kontrak yang sah iaitu:

a) Perjanjian yang dibuat mestilah berdasarkan kerelaan bebas pihak-pihak yang terlibat. Adalah jelas bahawa unsur kerelaan merupakan unsur yang menjadi asas di

dalam kontrak Islam dan begitulah juga keadaannya di dalam undang-undang moden.

Dalam mendefinisikan ungkapan "kerelaan", seksyen 13 akta kontrak menyatakan: Dua orang atau lebih boleh dikatakan berkerelaan bila mereka bersetuju mengenai satu perkara yang sama dalam pengertian yang sama.

b) Keupayaan berkontrak.

Sebagaimana syariat Islam mensyaratkan pihak2 yang berkontrak mestilah mereka yang sempurna keahliannya untuk berkontrak, begitulah juga syarat ini dimestikan di bawah undang-undang kontrak Malaysia.

Seksyen 11 akta kontrak menjelaskan maksud kelayakan ini iaitu : Setiap orang adalah layak membuat kontrak sekiranya ia dewasa menurut undang2 yang mana ia tertakluk, dan sekiranya ia berakal sempurna dan tidak hilang kelayakan untuk berkontrak menurut mana2 undang-undang yang mana ia tertakluk.

c) Wujudnya sesuatu balasan yang sah.

Ungkapan "balasan" yang dinisatakan di bawah akta kontrak adalah bermaksud sesuatu benda atau perkara yang dikontrakkan.

Adalah jelas bahawa di bawah perundangan Islam, unsur balasan ( مصلحة ) merupakan salah satu daripada rukun2 kontrak dan ianya mestilah bersifat tidak

bercanggah dengan svariat Islam. Begitu juga di bawah akta kontrak. unsur balasan ini merupakan satu keperluan di dalam kontrak dan ianya mestilah sesuatu balasan yang sah dan dengan tujuan yang sah.

Pengertian balasan yang sah dinelaskan pula di dalam seksyen 24 akta kontrak iaitu

" Balasan atau tujuan sesuatu perjanjian adalah sah di sisi undang2 kecuali:

- a) ianya dilarang oleh undang2, atau
- b) ianya bersifat sedemikian rupa jika dibenarkan, maka ianya akan mengecewakan peruntukan2 mana-mana undang2 atau;
- c) ianya merupakan tipu muslihat atau
- d) ianya mendatangkan bencana kepada diri atau harta orang lain atau
- e) mahkamah menganggapnya tak bermoral atau bertentangan dengan muslihat awam.<sup>25</sup>

d) KETENTUAN (Certainty)

Di bawah undang-undang kontrak Malaysia, satu lagi perkara yang dimestikan bagi pembentukan kontrak yang sah adalah unsur "ketentuan".<sup>26</sup>

"Ketentuan" di sini bermaksud pihak-pihak yang berkontrak mestilah telah menentukan syarat-syarat

sebenar yang dipersetujui oleh mereka. Sekiranya svarat-svarat yang dipersetujui oleh mereka masih samar dan tidak jelas keadaannya, maka keadaan ini boleh menyebabkan mahkamah membatalkan kontrak tersebut.<sup>27</sup>

Sebagai contohnya, sekiranya si A bersetuju menjual seratus tan minyak kepada B sedangkan si A tidak pula menelaaskan jenis minyak yang dimaksudkan itu, maka perjanjian seperti ini adalah batal kerana ketaktentuannya.<sup>28</sup>

Nampaknya di bawah perundangan Islam juga unsur "ketentuan" ini adalah perlu.

Ini jelas dapat diperhatikan bilamana ahli2 perundangan Islam telah mensvaratkan sesuatu benda atau perkara yang dikontrakkan " mestilah jelas sifatnya dan keadaannya" agar tidak menimbulkan pertelingahan di antara pihak-pihak yang berkontrak.<sup>29</sup> Ini bermakna keperluan kepada unsur "ketentuan" di dalam kontrak Islam telah dibincangkan oleh fukahak2 Islam ketika menghuraikan svarat-svarat yang perlu bagi benda yang dikontrakkan.

Sebagai kesimpulannya bolehlah dinyatakan bahawa segala rukun-rukun kontrak yang perlu dan dimestikan di bawah perundangan Islam adalah juga merupakan keperluan dan

kemestian di bawah undang-undang kontak Malaysia.  
Persamaan mengenai kedudukan perkara ini mula dapat  
diperhatikan melalui perbincangan-perbincangan yang  
telah dibuat.



Nota kaki sanai pertama.

1. Abdul Rahman As Sabuni. al Madkhal al Fiqh Wa al Tarikh al Tasyri' al Islami. (Cetakan pertama) Maktabah Wahbah , 1982 . m.s. 54
2. Badran Abul 'Ainain Badran. Uuul al Fiqh al Islami. Iskandariah : Mu'assasah Shababiy al Jami'ah. 1984. m.s. 69.
3. Muhammad Rashid Redha. Tafsir al Manar. Juzuk keenam, (Cetakan kedua), Beirut : Darul al Ma'rifah . (Tanpa terikh) . m.s. 120.
4. Sayyid Muhammed al Alusi. Tafsir Ruhil Ma'ani. Juzuk keenam, Beirut : Darul al Fikri. 1978 . m.s. 41.
5. Prof. Dr. Hamka. Tafsir al Azhar. Juzuk keenam. Terbitan Yayasan Nurul Islam. 1984 . m.s. 125.
6. Muhammed Ali as Sabuni. Saifatu al Tafsir. (Cetakan kelima) Beirut : Darul Qalam. 1986. m.s. 326
7. Prof. Dr. Hamka , op. sit. , m.s. 126.
8. Ibid. m.s. 126-127.
9. Muhammed Rashid Redha . op. cit. , m.s.
10. Sayyid Muhammed al Alusi , op. cit. , m.s. 48.
11. Wu Min Aun dan Beatrix Vohrah. Undang-undang Perdagangan Malaysia. (Cetakan kedua) Selangor : Longman Malaysia Sdn. Bhd. , 1987 . m.s. 1.
12. Abdul Karim Zaidan . al Madkhal Li Dirasati al Syari'ah al Islamiyah. (Cetakan kelapan) Beirut : Maktabah Al Quds. 1985 . m.s. 285.
13. Muhammed Yusof Musa. al Fiqh al Islami: Madkhal Li Dirasati Nizam al Mu'amalat Fihi. (cetakan ketiga) Kaherah : Darul al Kitab al 'Arabi. 1958. m.s. 321.
14. Abdul Karim Zaidan, op. sit. , ms. 285.
15. Ahmad Faraj Hussein. al Milkah Wa Nazariatul al 'Akdi Fi Syari'ah al Islamiyah. a' Darul al Jami'ah 1986. ms. 127.

18. Muhammad Yusof Musa, op. cit., m.s. 321
17. Ahmad Faraj Husseini, op. cit., m.s. 137
18. Muhammad Bin 'Alaaan al Siddiqi, Dalil al Falihin Li Turuk Rindu aa Salihin, Juzuk keempat, (cetakan akhir) Mesir Matba'ah Mustafa al Babiy al Halebiy, 1977 m.s. 435-436
19. Mahmood Bilal Mahrani, al Madkhal Li Dirasati al Fiqh al Islami, (cetakan pertama) Kaherah Darul Sagafah 'Arabiah, (tanpa tarikh), m.s. 312.
20. Badran Abul 'Ainain Badran, Tarikh al Fiqh al Islami Wa Nazariyah al Milkiah wa al 'Ukud, Beirut : Darul Nahdhat 'Arabiah, 1968. m.s. 418.
21. Ibid.
22. Ibid.
23. Untuk mendapatkan gambaran secara jelas mengenai kelayakan berkontrak bolehlah merujuk kitab-kitab mu'amalah.
24. Badran, op. cit., m.s. 388
25. Bukanlah menjadi tujuan kertas projek ini untuk membincangkan persoalan balesan secara mendalam dan lebih lanjut.
26. Wu Min Aun, op. cit., m.s. 24
27. Ibid.
28. Ibid.
29. Abdul Karim Zaidan, op. cit., m.s. 310.